

# Insafi derita rakyat Iraq



**DR. MAHATHIR**

**K**UALA LUMPUR 9 Sept. - Tun Dr Mahathir Mohamad mengajak masyarakat dunia supaya insaf terhadap penderitaan yang ditanggung oleh rakyat Iraq, akibat perbuatan negara-negara kuasa besar yang berselindung di sebalik dasar hak asasi manusia.

Beliau berkata, rakyat Iraq telah lama hidup menderita iaitu hampir 10 tahun sejak Perang Teluk hingga negara itu ditakluk oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.

"Sebelum penaklukan Iraq atas tuduhan palsu, 500,000 kanak-kanak Iraq telah mati akibat kekurangan ubat-ubatan dan makanan kerana sekatan yang dikenakan ke atas negara itu.

"Saya dan saudara membaca laporan yang menyayat hati tentang pembunuhan rakyat Iraq, seolah-olah perbuatan itu halal dan adil," katanya.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan bertajuk Hak Asasi Manusia dan Globalisasi pada persidangan sempena Hari Hak Asasi Manusia Malaysia 2005, anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, rakyat Iraq yang dibom itu

sama ada terbunuh atau cedera malah yang cedera mengalami penderitaan berterusan.

Bekas Perdana Menteri berkata, pejuang-pejuang hak asasi ketika itu hanya berdiam diri tidak melakukan apa-apa untuk membongkar kejahatan Britain dan Amerika Syarikat itu.

Katanya, mereka tidak menghiraukan perkara itu kerana yang terbunuh ialah musuh mereka.

Malahan Setiausaha Negara Amerika Syarikat, Madeline Albright tidak berasa bersalah sedikit pun apabila ditanya tentang kematian 500,000 kanak-kanak Iraq akibat kekurangan ubat-ubatan dan makan, katanya.

Sebaliknya, Albright menghalalkan kematian kanak-kanak itu sebagai harga yang perlu dibayar oleh rakyat Iraq bagi menghentikan kezaliman Saddam Hussein.

Dr. Mahathir berkata, media barat dan pejuang hak asasi manusia menutup mata dan telinga tentang apa yang berlaku di Iraq.

Menurutnya, bagi golongan ini membunuh 100,000 orang untuk mempertahankan hak asasi segelintir golongan yang telah dicabuli merupakan satu keadilan.

Katanya, sikap fanatik golongan yang kononnya memperjuangkan hak asasi manusia mengakibatkan lebih ramai manusia telah dinafikan hak dan nyawa mereka.

Dr. Mahathir berkata, tentera Amerika yang terbunuh di Iraq, memang telah dijangka akan mati, tetapi rakyat Iraq yang terbunuh akibat tindakan ketenteraan Amerika adalah rakyat biasa, yang tidak berdosa.

## Kematian

Menurutnya, laporan mengenai kematian tentera Amerika dibesar-besarkan dan dihebahkan di seluruh dunia tetapi pembunuhan ke atas rakyat Iraq yang lebih ramai tidak mereka hiraukan.

"Negara ini yang mendakwa mereka paling bertamadun berpendapat rakyat mereka perlu dibela, tetapi jika bencana menimpa musuh mereka, mereka berpendapat hak musuh mereka tidak pula perlu dibela," katanya.

Katanya, negara-negara yang dibasahi darah rakyat Iraq, Afghanistan, Panama, Nicaragua, Chili, Ecuador tidak mempunyai hak untuk mempersoalkan hak asasi di negara ini.

Negara-negara kuasa

besar ini hanya mempersoalkan hak asasi di negara-negara yang mereka benci atau menjadi musuh mereka, tetapi akan berdiam diri dengan negara-negara yang menjadi sahabat mereka, katanya.

Malah katanya, negara seperti Israel dibekalkan dengan senjata, helikopter dan peluru bagi menyerang rakyat Palestin yang hanya mampu mempertahankan diri dengan menjadi pengebom berani mati.

Di sesetengah negara yang menjadi sahabat Amerika, mereka mencajuli hak asasi rakyat mereka sendiri, menafikan hak demokrasi, dipenjarakan dan dibunuh tanpa dibicarakan, tetapi Amerika hanya berdiam diri, katanya.

Beliau berkata, Malaysia amat mengambil berat mengenai hak asasi rakyatnya dan tidak memerlukan campur tangan negara lain semasa menubuhkan Suhakam.